

B

GOTONG ROYONG MEGA KUKUM 2003

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah menganjurkan satu program yang dikenali sebagai Program Gotong Royong Mega KUKUM 2003 di Kolej Kediaman B dan C pada 26 Mei 2003 yang lalu. Semua warga KUKUM termasuk Y.Bhg. Rektor dan Pegawai-pegawai Utama telah bersama-sama menyertai program yang buat julung kalinya diadakan. Ia dimulakan dengan aktiviti senamrobik secara beramai-ramai dan juga senaman riang-ria turut diadakan.

Pada program ini juga Y.Bhg. Rektor telah melancarkan lagu 'WAWASANKU' yang merupakan lagu rasmi bagi KUKUM. 'WAWASANKU' telah digubah oleh pencipta terkenal Saudara Fauzi Marzuki dan liriknya ditulis Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah, Pengarah Dewan Budaya USM.

Selain dapat menyemai sikap cintakan kepada kebersihan, program ini juga diharapkan mampu untuk mengeratkan hubungan silatulrahim di kalangan warga KUKUM.